

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JULY 2016

# Tubuh parti baharu langkah positif - Anwar

UM - 16/7/2016

**KUALA LUMPUR 15 Julai** - Bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad membentuk sebuah parti baharu bagi menentang UMNO dan Barisan Nasional (BN) sebagai suatu langkah positif.

Katanya, adalah penting untuk parti pembangkang bersatu selain percaya parti baharu cadangan Dr. Mahathir itu akan diterajui oleh bekas Timbalan Perdana

Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Kami sedang menunggu keputusan Muhyiddin kerana beliau yang akan menentukannya. Kami bersedia bersama mereka. Saya fikir ini adalah langkah yang positif,” kata Anwar selepas mendengar keputusan dua permohonan yang dikemukakan beliau dan keluarga di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Beliau turut menegaskan kepentingan bagi parti-parti pem-

bangkang bekerjasama dan memuji cadangan Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man supaya mereka mengadakan ‘gencatan senjata’.

Anwar sebelum ini pernah menulis sepucuk surat ‘pedas’ yang memberi amaran kepada pemimpin PKR mengenai bahaya bekerjasama dengan Dr. Mahathir.

Bekas Perdana Menteri itu memecat Anwar sebagai timbalan perdana menteri pada tahun 1998.